



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH**  
**Dokumen Penjajaran Kurikulum**  
**PENDIDIKAN MORAL**  
TINGKATAN 1

EDISI 2



## KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.

### **Dr. LATIP BIN MUHAMMAD**

Timbalan Pengarah Kanan  
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)  
Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia



**1.0 PENGENALAN MORAL**

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
<b>1.1</b>	<b>Konsep Moral</b>	1.1.1	Menjelaskan maksud moral melalui contoh.				
		1.1.2	Membanding bezakan perlakuan baik, benar dan patut.				
		1.1.3	Menghuraikan kepentingan berkelakuan baik, benar dan patut.				
		1.1.4	Menceritakan perasaan apabila berkelakuan baik, benar dan patut.				
		1.1.5	Menunjuk cara perlakuan baik, benar dan patut.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
<b>1.2</b>	<b>Insan Bermoral</b>	1.2.1	Menerangkan maksud insan bermoral.				
		1.2.2	Menjelaskan melalui contoh ciri insan bermoral.				
		1.2.3	Membuat kajian tentang kepentingan menjadi insan bermoral.				
		1.2.4	Menyedari keperluan menjadi insan bermoral.				
		1.2.5	Mengamalkan perlakuan insan bermoral dalam kehidupan masyarakat majmuk.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
<b>1.3</b>	<b>Hidup Bermoral</b>	1.3.1	Menyatakan kepentingan mempelajari moral.				
		1.3.2	Membanding bezakan cara hidup bermoral dan tidak bermoral.				
		1.3.3	Menghayati manfaat mempelajari moral dalam kehidupan.				
		1.3.4	Mempraktikkan perlakuan bermoral dalam kehidupan seharian.				

**2.0 DIRI, KELUARGA DAN PERSAHABATAN**

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran				
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
<b>2.1</b>	<b>Hidup Beragama atau Berkepercayaan</b>					2.1.1 Menyatakan kepelbagaian agama atau kepercayaan. 2.1.2 Menjelaskan kepelbagaian amalan keagamaan atau kepercayaan. 2.1.3 Menjelaskan cara menghormati kepelbagaian amalan keagamaan atau kepercayaan untuk memperkukuh perpaduan. 2.1.4 Menghuraikan kepentingan hidup beragama atau berkepercayaan. 2.1.5 Menceritakan perasaan apabila mengamalkan cara hidup beragama atau berkepercayaan. 2.1.6 mempraktikkan hidup beragama atau berkepercayaan.



Standard Kandungan		Standard Pembelajaran				
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
2.2	<b>Kenali Potensi Diri</b>			2.2.1	Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri.	
				2.2.2	Mencadangkan cara memperbaiki kelemahan diri.	
				2.2.3	Menjelaskan dengan contoh kekuatan diri.	
				2.2.4	Menghargai keistimewaan diri.	
				2.2.5	Mengaplikasi potensi diri untuk kesejahteraan hidup.	

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran				
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
<b>2.3</b>	<b>Hubungan Kekeluargaan</b>			2.3.1	Menjelaskan dengan contoh cara menyayangi anggota keluarga.	
				2.3.2	Menghuraikan kepentingan menyayangi anggota keluarga.	
				2.3.3	Merangka aktiviti untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan.	
				2.3.4	Menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap anggota keluarga.	
				2.3.5	Melibatkan diri dalam aktiviti untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan.	

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
<b>2.4</b>	<b>Hubungan Persahabatan</b>	2.4.1	Membanding bezakan ciri sahabat positif dan negatif.				
		2.4.2	Menghuraikan kebaikan menjalin hubungan persahabatan.				
		2.4.3	Meramalkan kesan memilih sahabat yang negatif.				
		2.4.4	Menyarankan cara menjalinkan persahabatan tanpa mengabaikan hubungan kekeluargaan.				
		2.4.5	Bersyukur mempunyai sahabat yang baik.				
		2.4.6	Menjalin hubungan persahabatan yang positif demi perpaduan kaum.				

**3.0 HUBUNGAN ANTARA DIRI, KOMUNITI DAN MASYARAKAT**

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran				
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
<b>3.1</b>	<b>Kesejahteraan dalam Kalangan Warga Sekolah</b>					<p>3.1.1 Menyenaraikan ciri warga sekolah yang sejahtera.</p> <p>3.1.2 Mencadangkan cara meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan warga sekolah daripada pelbagai kaum.</p> <p>3.1.3 Menjelaskan melalui contoh kepentingan meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan warga sekolah daripada pelbagai kaum.</p> <p>3.1.4 Memerihalkan perasaan apabila kesejahteraan dalam kalangan warga sekolah terpelihara.</p> <p>3.1.5 Mengamalkan cara hidup sejahtera dalam kalangan warga sekolah daripada pelbagai kaum.</p>

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
<b>3.2</b>	<b>Keselamatan Kawasan Kediaman Tanggungjawab Bersama</b>	3.2.1	Mengenal pasti ancaman keselamatan kawasan kediaman.				
		3.2.2	Menghuraikan kepentingan mengekalkan keselamatan kawasan kediaman.				
		3.2.3	Mencadangkan langkah-langkah untuk mengekalkan keselamatan kawasan kediaman.				
		3.2.4	Melahirkan perasaan apabila keselamatan kawasan kediaman terjamin.				
		3.2.5	Melibatkan diri tanpa mengira kaum dalam aktiviti menjaga keselamatan kawasan kediaman.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
<b>3.3</b>	<b>Hargai Kemudahan Awam</b>	3.3.1	Memerihalkan kepentingan kemudahan awam kepada masyarakat.				
		3.3.2	Menghuraikan cara menjaga kemudahan awam secara bersama.				
		3.3.3	Meramalkan kesan vandalisme.				
		3.3.4	Berbangga dengan kemudahan awam yang disediakan.				
		3.3.5	Menceritakan perasaan apabila kemudahan awam dirosakkan.				
		3.3.6	Menjaga kemudahan awam secara bersama.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
<b>3.4</b>	<b>Sayangi Alam Sekitar</b>	3.4.1	Mencadangkan cara menjaga alam sekitar.				
		3.4.2	Membincangkan kepentingan menjaga alam sekitar.				
		3.4.3	Meramalkan kesan jika tidak menjaga alam sekitar.				
		3.4.4	Menceritakan perasaan apabila menjaga alam sekitar.				
		3.4.5	Melibatkan diri secara proaktif dalam mengurus alam sekitar secara bersama.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran				
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
<b>3.5</b>	<b>Remaja Berhemah</b>	3.5.1	Menghuraikan ciri remaja berhemah.			
		3.5.2	Menjelaskan melalui contoh kepentingan menjadi remaja berhemah.			
		3.5.3	Menghubung kaitkan remaja berhemah dengan imej negara.			
		3.5.4	Berbangga menjadi remaja harapan negara.			
		3.5.5	Mengamalkan perlakuan remaja berhemah dalam masyarakat.			



**4.0 MORAL, PERATURAN DAN UNDANG-UNDANG**

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
4.1	<b>Etiket di Rumah</b>	4.1.1	Menyenaraikan etiket di rumah.				
		4.1.2	Memaparkan kepentingan etiket di rumah.				
		4.1.3	Meramalkan kesan jika etiket di rumah tidak dipatuhi.				
		4.1.4	Menceritakan perasaan apabila mengamalkan etiket di rumah.				
		4.1.5	Mempraktikkan etiket di rumah dalam kehidupan seharian.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
<b>4.2</b>	<b>Ketagihan Membawa Mudarat</b>	4.2.1	Menyenaraikan perlakuan ketagihan yang membawa mudarat.				
		4.2.2	Menghuraikan kesan ketagihan yang membawa mudarat.				
		4.2.3	Mengesyorkan cara mengatasi ketagihan yang membawa mudarat.				
		4.2.4	Menceritakan perasaan apabila ketagihan yang membawa mudarat dapat diatasi.				
		4.2.5	Menghindari diri daripada terlibat dalam ketagihan yang membawa mudarat.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran				
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
<b>4.3</b>	<b>Akur dengan Peraturan Sekolah</b>					<p>4.3.1 Membentangkan peraturan sekolah.</p> <p>4.3.2 Meramalkan kesan jika tiada peraturan sekolah.</p> <p>4.3.3 Menjelaskan akibat jika melanggar peraturan sekolah.</p> <p>4.3.4 Menghuraikan kepentingan mematuhi peraturan sekolah.</p> <p>4.3.5 Menceritakan perasaan mematuhi peraturan sekolah.</p> <p>4.3.6 Mematuhi peraturan sekolah demi mengekalkan keharmonian sekolah.</p> <p>4.3.7 Memberi kerjasama dalam pelaksanaan peraturan sekolah tanpa mengira kaum.</p>

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
<b>4.4</b>	<b>Lindungi Hak Asasi Kanak-kanak</b>	4.4.1	Menyenaraikan hak asasi kanak-kanak.				
		4.4.2	Memerihalkan kepentingan melindungi hak asasi kanak-kanak demi kesejahteraan hidup.				
		4.4.3	Menyenaraikan badan kerajaan dan badan bukan kerajaan yang melindungi hak asasi kanak-kanak.				
		4.4.4	Menghuraikan cara badan kerajaan dan badan bukan kerajaan melindungi hak asasi kanak-kanak demi kesejahteraan masyarakat.				
		4.4.5	Menceritakan perasaan apabila hak kanak-kanak dilindungi oleh pelbagai pihak tanpa mengira kaum.				
		4.4.6	Mengambil tindakan melindungi hak kanak-kanak tanpa mengira kaum.				

Standard Kandungan		Standard Pembelajaran			
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
<b>4.5</b>	<b>Rasuah Musuh Negara</b>	4.5.1	Menjelaskan maksud rasuah.		
		4.5.2	Menjelaskan dengan contoh perbuatan rasuah.		
		4.5.3	Menghuraikan kesan perbuatan rasuah.		
		4.5.4	Menyarankan cara untuk membanteras rasuah demi kesejahteraan masyarakat.		
		4.5.5	Melahirkan rasa benci terhadap perbuatan rasuah demi keharmonian hidup.		
		4.4.6	Menghindari perbuatan rasuah dalam kehidupan.		





Bahagian Pembangunan Kurikulum  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E  
62604 Putrajaya  
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917